

## **Pembangkang Bakal Lancar 4 Tawaran Tambahan mStar Online**

**Januari 11, 2012**

**Oleh ARIFFUDDIN ISHAK**

**PETALING JAYA:** Pembangkang akan melancarkan empat tawaran tambahan kepada rakyat sebagai persediaan menghadapi pilihan raya umum akan datang menerusi 'Kertas Jingga' yang akan dibentangkan pada Konvensyen Pakatan Rakyat di Kedah Sabtu ini.

Ahli Jawatankuasa PAS Pusat, Dr Dzulkefly Ahmad berkata, tawaran tambahan kepada Buku Jingga yang menjadi asas manifesto pembangkang itu berupaya mewujudkan suasana yang lebih adil serta memberi ruang kepada rakyat Malaysia berkongsi kekayaan dan sumber negara.

"Kita akan terus tawarkan dasar-dasar yang seimbang kepada rakyat terutama dalam menangani krisis ekonomi selaras dengan tema konvensyen iaitu Bersihkan Malaysia.

"Kita yakin kalau Pakatan Rakyat memerintah, kita mahu bersihkan negara dan lakukan perkongsian dengan seluruh rakyat dan membentuk kearah Malaysia baru," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Pakatan Rakyat di sini, Rabu.

Menurut Dzulkefly, empat bidang utama yang akan dibentangkan menerusi Kertas Jingga itu ialah mengenai kaedah menangani isu perkhidmatan awam termasuk opsyen Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) yang diumumkan kerajaan sebelum ini.

"Keduanya kita akan membentangkan mengenai pengertian sebenar federalism terutama dalam pentadbiran kerajaan Persekutuan dan negeri.

"Perkara ketiga ialah berkaitan aspek ekonomi iaitu amalan monopoli yang diamalkan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) selama ini.

"Kita dapat lihat kos sara hidup rakyat meningkat ekoran usrus takbir secara monopoli, oligopoli dan kartel," katanya.

Selain itu Dzulkefli berkata perkara keempat yang menjadi fokus Kertas Jingga ialah membabitkan isu Felda termasuk Penyenaian Felda Global Ventures Holdings (FGVH) di Bursa Malaysia.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

[http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/1/11/mstar\\_berita/20120111151815&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/1/11/mstar_berita/20120111151815&sec=mstar_berita)